

Peluang Wanita, Pemuda BN kemuka usul di konvensyen dikaji

UM 11 JUL 2011

KUALA LUMPUR 10 Julai — Jawatankuasa Teknikal Barisan Nasional (BN) sedang mengkaji kemungkinan Pergerakan Wanita dan Pemuda pakatan itu diberi peluang mengemukakan cadangan atau pun usul pada konvensyennya akan datang.

Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Timbalan Pengerusi BN, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi itu akan turut mengkaji cadangan Wanita BN yang mahu perlembagaannya dipinda supaya kedua-dua ketua Pemuda dan Wanita menjadi anggota Dewan Tertinggi BN.

Setiasaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat berkata, hasil kajian itu akan dikemukakan kepada Dewan Tertinggi BN selewat-lewatnya hujung tahun ini.

“Kajian itu perlu memandangkan peranan kedua-dua sayap parti semakin penting pada masa ini dalam usaha menarik generasi muda menyertai BN,” katanya kepada *Utusan* di sini, hari ini.

Beliau mengulas cadangan Wanita BN yang mahu perlemba-

gaannya dipinda bagi membolehkan ketua kedua-dua sayap berkenaan menganggotai Dewan Tertinggi BN.

Ketua Pergerakan Wanita UMNO, Datuk Seri Rafidah Aziz berkata, hasrat itu dipersetujui oleh semua sayap Wanita parti-parti komponen BN yang bermesyuarat kelmarin.

Menyokong

Mengulas lanjut mengenai pindaan itu, Mohamed menjelaskan, pihaknya menyokong cadangan Wanita BN yang dianggap mampu memperkukuhkan jentera parti.

“Jika pembangkang menggemblengkan golongan mudanya untuk menarik generasi muda untuk menyokong mereka, BN perlu bertindak lebih daripada itu,” tegasnya.

Beliau menjelaskan, jawatankuasa teknikal yang akan mengkaji cadangan itu ditubuhkan pada Konvensyen BN, Sabtu lalu.

Menurut beliau, penubuhan jawatankuasa itu bertujuan meng-

kaji apa juga cadangan daripada parti-parti komponen dalam BN bagi memantap dan meningkatkan lagi kerjasama di kalangan anggota parti.

Penubuhan jawatankuasa itu, katanya, dicadangkan sendiri oleh Pengerusi BN, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika merasmikan Konvensyen BN pada Sabtu lalu.

“Saya sedang menyiapkan laporan dan cadangan yang dikemukakan dalam konvensyen itu untuk diserahkan kepada Dewan Tertinggi BN,” jelasnya.

Ditanya mengenai cadangan supaya Konvensyen BN diadakan setiap tahun, Mohamed yang mengalu-alukan cadangan itu berkata, konvensyen seumpama akan diadakan tahun depan.

Beliau menambah, konvensyen BN sepatutnya diadakan setiap tahun sebagaimana terkadung dalam perlembagaan.